

**"K**ITA punya Hamka, tetapi yang memilikinya adalah Malaysia. Mengapa?"

Itulah luahan Pengelola Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka, Hanif Rasyid, yang boleh ditafsirkan sebagai rasa terharu pada sanjungan rakyat Malaysia terhadap ulama besar negara jiran itu, Allahyarham Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai Hamka.

Penghargaan itu menumbuhkan rasa bangga dalam diri penulis kerana secara tidak langsung memperlihatkan jiwa besar rakyat Malaysia yang menghargai tokoh ulung dunia Melayu yang memberi sumbangan keilmuan, keintelektualan dan kesuasteraan dalam tradisi persuratan Nusantara.

Bagaimanapun, pada masa sama, pengakuan Hanif juga seolah-olah menyembunyikan kekecewaannya terhadap sanjungan rakyat Indonesia sendiri dalam mengangkat dan menobatkan ulama dari alam Melayu yang tidak ada duanya itu.

Pada tahun lalu, Hanif diundang ke Seminar Hamka Sebagai Ulama Nusantara - Penerokaan Hikmah Tokoh Ulama Nusantara Menerusi Penelitian Terhadap Karisma, Intelektual Islam dan KeMelayuan di Kolej Universiti Insaniah (INSANIAH), Alor Setar.

Dalam sesi soal jawab dalam seminar itu, Hanif berkata, beliau mendapati generasi muda di Malaysia lebih mengetahui dan mengenali Hamka berbanding anak muda di tanah airnya sendiri.

"Pengunjung Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka juga 90 peratus dari Malaysia, manakala selebihnya barulah dari Indonesia.

"Rakyat Malaysia lebih mengenali Hamka kerana karya beliau pernah dijadikan teks sastera pelajar Tingkatan Enam, selain sering dibaca oleh generasi muda Malaysia. Novel *Merantau Ke Deli* beliau juga pernah dijadikan sebagai teks Sastera pelajar Tingkatan Dua di Singapura," katanya kepada *Sastera* di Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka, Tasik Maninjau, Sumatera Barat.

# Hamka masih 'hidup'

Rumah peninggalan  
ibunya dijadikan muzium  
bagi memperingati  
sumbangan tokoh ulung



►► Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka, Tasik Maninjau, Sumatera Barat.

Malah, penubuhan muzium itu juga asalnya dicadangkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) di tapak rumah asal keluarga ibu Hamka yang musnah pada zaman pendudukan Jepun.

"Muzium ini juga hanya menyimpan 30 judul buku karangan Hamka, manakala selebihnya, iaitu 107 judul masih berada di Malaysia dan saya berharap kalau dapat dana untuk ke sana bagi melengkapi koleksi sedia ada.

"Sebahagian besar buku Hamka memang dicetak di Malaysia sehingga tidak banyak bukunya di sini, tetapi Gramedia dalam usaha menerbitkannya kembali secara satu persatu," katanya yang juga anak saudara

kepada Hamka.

Hanif enggan mendedahkan dana yang diterima oleh muzium berkenaan, tetapi mengakui ia tidak mencukupi sehingga terpaksa bergantung juga kepada sumbangan yang diberikan oleh pengunjung.

Bagaimanapun, Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka yang menyimpan koleksi buku, pakaian dan peralatan yang pernah digunakan Hamka itu tidak mengenakan sebarang tiket masuk.

Antara bahan yang dipamerkan ialah gambar Hamka dan jubah yang dipakainya ketika menerima Ijazah Kehormatan daripada Universiti al-Azhar, Mesir, pada 1958 serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (1974).



►► Antara bahan yang dipamerkan di Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka.

Bahan lain yang turut dipamerkan ialah tongkat dan kerusi yang sudah berusia seabad serta katil yang dikatakan menjadi tempat Hamka dilahirkan, selain beg yang digunakan ketika menunaikan haji.

Hamka dilahirkan di Kampung Molek, Maninjau pada 17 Februari 1908 dan meninggal dunia di Jakarta pada 24 Julai 1981, menerima jolokan

Buya, iaitu panggilan penghormatan masyarakat Minangkabau yang berasal daripada bahasa Arab, iaitu *abu* atau ayah.

Bapa Hamka, iaitu Syekh Abdul Karim Amrullah pula menjadi pelopor gerakan pembaharuan di Minangkabau, manakala rumah dan pusaranya terletak tidak jauh dari Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka.



Sebahagian besar buku Hamka memang dicetak di Malaysia

sehingga tidak banyak bukunya di sini, tetapi Gramedia dalam usaha menerbitkannya kembali secara satu persatu”

**Hanif Rasyid**

Pengelola Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka



B/H 3/10/2011 MS 15



NAZMI YAAKUB | BERITA HARIAN

▶▶ Gambar dan potret turut dipamerkan di Muzium Rumah Kelahiran Buya Hamka.

Hamka mengikuti pengajian agama secara tradisional melalui pengajaran di surau dan masjid oleh ulama tempatan, sebelum mencurahkan khidmat baktinya sebagai guru di Medan dan Padang Panjang.

Beliau juga pernah menjadi pensyarah di Universiti Islam, Jakarta dan Universiti Muhammadiyah, Padang Panjang, sebelum dilantik sebagai Rektor Perguruan Tinggi Islam dan Profesor di Universiti Mustopo di Jakarta.

Hamka turut terbabit dalam dunia kewartawanan apabila menjadi

wartawan Pelita Andalas, Seruan Islam, Bintang Islam, dan Seruan Muhammadiyah serta editor majalah Kemajuan Masyarakat, al-Mahdi, Pedoman Masyarakat, Panji Masyarakat dan Gema Islam.

Antara khazanah ilmu yang ditinggalkan oleh Hamka ialah *Tafsir al-Azhar* dan *Sejarah Ummat Islam*, *Falsafah Hidup*, *Lembaga Hidup*, *Revolusi Pikiran* serta *Revolusi Agama*, manakala novelnya yang terkenal ialah *Di Bawah Lindungan Ka'bah*, *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan *Merantau ke Deli*.